

Malaysia, Indonesia, Brunei bincang masalah buang bayi

Berita Harian 21 NOV 2010 M/S 8

Kementerian turut ambil inisiatif tubuh jawatankuasa khas tangani isu

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengadakan kerjasama dengan negara jiran, Indonesia dan Brunei bagi berhubung pendekatan bagi menangani gejala pembuangan bayi di negara ini.

Ketua Setiausaha, Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur, berkata kementerian perlu bertukar pandangan dan idea dengan negara Islam lain mengenai kaedah yang sudah dilaksanakan sehingga kini.

Katanya, selain perbincangan dengan negara jiran, kementerian turut mengambil inisiatif menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani masalah berkenaan ke peringkat akar umbi.

"Kementerian memandang berat masalah pembuangan bayi kerana ia membabitkan isu moral dan penularan gejala sosial dalam masyarakat walaupun ia tidak menjejaskan imej negara kepada negara luar.

"Begitu juga isu penderaan kanak-kanak, kesibukan ibu bapa dan tekanan pekerjaan tidak harus dijadikan alasan



NOORUL Ainur (dua dari kanan), Sabri (kanan), Olsen dan Diana Danielle pada majlis pelancaran Hari Keluarga sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia anjuran UNICEF, di Petaling Jaya, semalam.

untuk mendera anak kerana mereka penting serta berperanan besar kepada negara," katanya selepas melancarkan acara Hari Keluarga sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia anjuran Dana Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), di sini, semalam.

Hadir sama wakil UNICEF di Malaysia, Hans Olsen dan Pengerusi Childline Malaysia, Sabri Abdul Rahman. Pelbagai acara diadakan termasuk pertunjukan silat mata dan badut untuk kanak-kanak, Flash Mob dan papan kenyataan bercorak tangan peserta.

Statistik kementerian me-

nunjukkan penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa mereka sendiri mencatatkan 808 kes, adik beradik (23 kes), teman lelaki ibu (270), jiran (26), saudara mara (322), orang dikenali (231), manakala pendera tidak dikenali sebanyak 110 kes. Kes itu turut dilaporkan terus meningkat daripada 2,279 pada

2007 kepada 2,780 (2008), dan 2,789 pada tahun lalu.

Sementara itu, Olsen, berkata ibu bapa dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu bersama-sama memainkan peranan bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan sekali gus menjadi pemangkin masa depan negara, kelak.